

Headline **Ibu bapa perlu peka perisian**
Date **09. Jun 2009**
Media Title **Berita Harian**
Section **Hip**
Circulation **192917**
Readership **1521000**

Language **MALAY**
Page No **12,13**
Article Size **0** cm2
Frequency **Daily**
Color **One Spot Color**
AdValue



KANAK-KANAK boleh dididik menggunakan perisian ICT yang membina minda mereka.



IBU BAPA perlu memantau penggunaan internet anak.

Ibu bapa perlu peka perisian

Pantau teknologi, elak anak terjebak perkara songsang

Oleh Shaidah Shafie
shasha@bharian.com.my

KEMAJUAN bidang teknologi meletakkan manusia berada dalam peradaban yang sangat canggih dan terkehadapan, tetapi perlu diingat teknologi meningkat disebabkan kebijaksanaan manusia. Segala perisian dibuat untuk diseiarasikan dengan teknologi adalah hasil ciptaan manusia sepenuhnya.

Adalah tidak adil menyalahkan teknologi sepenuhnya sekiranya berlaku kebinasaan terhadap mereka yang menggunakan kemudahan teknologi kerana sebagai pengguna teknologi, kita wajar menyaring bahan terbaik saja untuk pengisian minda.

Sama ada disedari atau tidak, di Malaysia, data yang dikeluarkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menunjukkan bahawa peratus pengguna internet di kalangan kanak-kanak dan remaja mencecah 24.7 peratus pada 2008.

Pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Multimedia, Universiti Terbuka Malaysia, Rohaizak Omar, berkata statistik berkenaan mengesahkan kenyataan mengenai kanak-kanak sekarang sudah mula menggunakan teknologi maklumat hampir setiap hari dengan tujuan pelbagai dan berbeza.

"Banyak kajian diterbitkan menyatakan bahawa teknologi maklumat berupaya meningkatkan pencapaian kanak-kanak dalam aspek kemahiran sosial, akademik, penyelesaian masalah dan pelbagai kemahiran.

"Begitupun, penggunaan komputer dan teknologi maklumat walaupun dianggap membantu proses perkembangan kanak-kanak, tidak semuanya menjurus kepada pengalaman membina," kata-

nya ketika membentangkan kertas kerja Perkembangan Dalam Perisian Teknologi Maklumat Untuk Manfaat Kanak-kanak pada seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa di Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), baru-baru ini.

Rohaizak berkata, kanak-kanak berusia 15 tahun ke bawah belum mampu untuk berfikir seperti individu dewasa, justeru segala maklumat atau ilmu yang diperoleh tidak semuanya boleh dimanfaatkan dalam kehidupan kanak-kanak kerana tahap perkembangan kognitif mereka berlaku secara berperingkat.

"Piaget menyebut kognitif kanak-kanak berkembang dalam empat tahap iaitu sewaktu bayi, prasekolah, zaman kanak-kanak dan remaja. Setiap tahap mewakili pemahaman kanak-kanak terhadap dunia realiti pada peringkat berkenaan.

"Pada tiga tahap pertama, apa yang mereka fikir sebagai realiti bukanlah realiti sebenarnya. Jadi, penggunaan teknologi perlu mengambil kira aspek perkembangan kognitif kanak-kanak kerana ia akan menentukan sama ada teknologi itu mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak atau sebaliknya," katanya.

Sehubungan itu, perisian komputer yang dibuat untuk kanak-kanak hendaklah mengambil kira tahap perkembangan kognitif si kecil selain ia memberi faedah untuk perkembangan sahsiah diri kanak-kanak juga.

Antara perisian sesuai untuk kanak-kanak seharusnya mempunyai beberapa ciri membina seperti isi kandungan sesuai dengan peringkat usia, tidak banyak menyelitkan adegan

keganasan, kawalan yang sesuai dengan perkembangan dan ada nilai pembelajaran.

Selebihnya, perisian berkenaan juga hendaklah menerapkan konsep eksplorasi terbuka, menyeronokkan dan mempunyai nilai selari dengan kebudayaan penggunaannya.

"Eksplorasi terbuka merujuk kepada perisian berkonsep tiada jawapan betul atau salah dan tiada jalan eksplorasi tetap. Perisian melukis adalah contoh eksplorasi bebas kerana kanak-kanak bebas menggunakan imaginasi mereka tanpa terhalang oleh kegiatan tertentu mahupun hasil tertentu.

"Perisian yang baik juga adalah perisian yang mempunyai struktur dalaman di mana kanak-kanak boleh memilih dan diberi ganjaran intrinsik seperti ucapan tahniah berbanding ganjaran ekstrinsik seperti markah," katanya.

Justeru, katanya, ibu bapa mempunyai tanggungjawab besar menilai perisian yang digunakan anak mereka supaya apa yang dikutip daripada perisian berkenaan berupaya membina perkembangan anak.

"Teknologi perisian membuktikan ia mampu membantu kanak-kanak mempelajari dan meningkatkan kemahiran literasi, asas matematik, interaksi sosial dan kemahiran lain.

"Bagaimanapun, ibu bapa dan pendidik perlu perlu tahu jenis perisian untuk kanak-kanak dan kesan setiap perisian berkenaan kepada kanak-kanak," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Yayasan Ilmuwan, Shaikh Mohd Saifudeen Shaikh Mohd Salleh yang membentangkan kertas kerja *Anak-anak dan Perkembangan Terkini Teknologi Maklumat: Panduan*

Untuk Keluarga berkata, ruang lingkup teknologi maklumat adalah sangat luas merangkumi kepelbagaian aplikasi seperti bersembang melalui internet, permainan atas talian, blog, jaringan sosial internet dan perkongsian fail.

"Aplikasi jaringan sosial ini tidak asing lagi di kalangan pengguna internet di negara ini dengan pelbagai perisian seperti *Friendster, MySpace, Facebook, Tagged, Twitter, Hi5, Ning* dan pelbagai," katanya.

Shaikh Mohd Saifudeen berkata, kanak-kanak adalah antara pengguna cilik yang tidak boleh diketepikan kehadiran mereka dalam arena teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerana ada kanak-kanak yang lebih mahir memanfaatkan kemudahan ICT berbanding ibu bapa mereka.

"Bagaimanapun, ICT ini juga membawa kemudaran kepada pengguna kanak-kanak. Ada dua risiko kepada mereka iaitu risiko yang disebabkan perbuatan sendiri seperti memasuki laman sembang lucah, memuat turun filem tertentu dan memasuki bilik sembang seks.

"Internet yang bersifat tanpa wajah ini dikhuatiri membawa keburukan kepada kanak-kanak sekiranya mereka 'bertemu' dengan pembuli siber, pemburu seks atau pengemar pedofilia kerana golongan ini berada di mana-mana saja dalam dunia tanpa sempadan itu," katanya.

Sehubungan itu, ibu bapa tidak boleh membiarkan anak mereka melayari internet

tanpa pengawasan kerana anasir bersifat negatif mungkin mempengaruhi anak mereka, selain ibu bapa diminta melengkapkan diri dengan pengetahuan dan maklumat mengenai perkembangan mutakhir dalam teknologi supaya mereka dapat melindungi anak daripada gejala yang tidak diinginkan.

Katanya, ibu bapa perlu bersikap tegas dengan anak dengan memberi panduan asas (yang berbentuk larangan) dalam menggunakan aplikasi ICT seperti jangan bertemu secara bersemuka dengan orang yang dikenali di laman siber, jangan melayan sembang atau mesej berbau lucah dan jangan mudah mempercayai apa yang dikatakan individu yang dikenali melalui siber.

"Sebagaimana ibu bapa memberikan nasihat dan panduan kepada anak-anak dalam menjalani kehidupan nyata, begitu juga nasihat dan panduan yang perlu diberikan kepada anak-anak dalam menjalani kehidupan dalam dunia siber.

Tidak dapat dinafikan ICT akan terus maju dan menjadi semakin canggih. Gaya perkembangan ICT menunjukkan ia akan terus berkuasa, menjadi semakin mudah alih, boleh dicapai oleh sesiapa saja dalam dunia tanpa sempadan itu," katanya.

Sehubungan itu, ibu bapa tidak boleh membiarkan anak mereka melayari internet

“Perisian yang baik juga adalah perisian yang mempunyai struktur dalaman di mana kanak-kanak boleh memilih dan diberi ganjaran intrinsik seperti ucapan tahniah berbanding ganjaran ekstrinsik seperti markah”

Rohaizak Omar
Pensyarah Fakulti
Teknologi Maklumat dan
Komunikasi Multimedia,
Universiti Terbuka
Malaysia

Headline **Ibu bapa perlu peka perisian**
Date **09. Jun 2009**
Media Title **Berita Harian**

“ICT ini juga membawa kemudahan kepada pengguna kanak-kanak. Ada dua risiko kepada mereka iaitu risiko yang disebabkan perbuatan sendiri seperti memasuki laman sembang lucah, memuat turun filem tertentu dan memasuki bilik sembang seks”

Shaikh Mohd Saifudeen
Shaikh Mohd Salleh
Pegawai Eksekutif
Yayasan Ilmuwan